

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXVI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA  
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

6. Apakah usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah dadah dan ketum di sekitar Kuala Muda? Tindakan sehingga kini seolah-olah tiada penyelesaian.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

6. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah dadah dan ketum di sekitar Kuala Muda adalah seperti berikut:
- (a) Menjalankan Operasi Pencegahan Jenayah peringkat Balai;
  - (b) Meningkatkan kekerapan operasi;
  - (c) Tindakan serbu dan tangkap di kawasan pot dan rumah yang disyaki dihuni oleh pengedar dan penagih dadah dibuat setiap masa;
  - (d) Perkara telah dibincangkan diperingkat Pejabat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah sendiri untuk menjadikan pot penagih di Kuala Muda yang berada dipesisir pantai sebagai kawasan rekreasi;

- (e) Komuniti Kuala Muda melibatkan wakil dari Jabatan-jabatan kerajaan di daerah SPU yang diketuai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat satu pasukan yang akan mengadakan program untuk membantu penagih dan keluarga penagih kawasan Kuala Muda tersebut;
- (f) Meletakkan Ops Payung di kawasan Pasar Bisik, Kuala Muda di mana ianya boleh mengurangkan kemasukan penagih dadah ke kawasan pot dari luar;
- (g) Pihak PDRM telah mengambil tindakan keatas Tokan dan pengedar dadah di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah pencegahan khas) 1985. Tangkapan ini adalah berdasarkan hasil soal siasat yang dijalankan dan dikenalpasti sebagai pengedar dan tokan dadah dikawasan tersebut. Berikut adalah jumlah tangkapan di bawah Seksyen 3(1) ADB (LLPK) 1985;

SEKSYEN	JUMLAH KES 2019	JUMLAH KES 2020 (JAN-FEB)
3(1) ADB (LLPK) 1985	3	3

- (h) Tindakan dibawah Seksyen 39C ADB 1852 juga diambil ke atas penagih berulang yang mempunyai dua rekod lampau di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952. Tindakan di bawah seksyen ini membawa kepada hukuman antara lima hingga tujuh tahun penjara serta sebat. Berikut adalah jumlah kes yang dituduh dibawah seksyen 39C ADB 1952 bagi tahun 2019 dan 2020 (Jan-Feb);

SEKSYEN	JUMLAH KES 2019	JUMLAH KES 2020 (JAN-FEB)
39C ADB 1952	8	2

- (i) Mengadakan aktiviti *Community Policing* seperti Program *High Profile Policing* (HPP), *Reaching Out* bersama Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (KPD SPU) dan Program Solat Jumaat bersama penduduk di Penaga; dan
- (j) Bekerjasama dengan pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Seberang Perai Utara untuk Operasi Bersepadu.

Masalah dadah ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira tempat. Oleh itu, peranan semua pihak termasuk ADUN kawasan perlu digembeling bagi menjalankan usaha-usaha pencegahan, kesedaran awam dan penguatkuasaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXVI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA  
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

6. Apakah usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah dadah dan ketum di sekitar Kuala Muda? Tindakan sehingga kini seolah-olah tiada penyelesaian.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

6. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah dadah dan ketum di sekitar Kuala Muda adalah seperti berikut:
- (a) Menjalankan Operasi Pencegahan Jenayah peringkat Balai;
  - (b) Meningkatkan kekerapan operasi;
  - (c) Tindakan serbu dan tangkap di kawasan pot dan rumah yang disyaki dihuni oleh pengedar dan penagih dadah dibuat setiap masa;
  - (d) Perkara telah dibincangkan diperingkat Pejabat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah sendiri untuk menjadikan pot penagih di Kuala Muda yang berada dipesisir pantai sebagai kawasan rekreasi;

- (e) Komuniti Kuala Muda melibatkan wakil dari Jabatan-jabatan kerajaan di daerah SPU yang diketuai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat satu pasukan yang akan mengadakan program untuk membantu penagih dan keluarga penagih kawasan Kuala Muda tersebut;
- (f) Meletakkan Ops Payung di kawasan Pasar Bisik, Kuala Muda di mana ianya boleh mengurangkan kemasukan penagih dadah ke kawasan pot dari luar;
- (g) Pihak PDRM telah mengambil tindakan keatas Tokan dan pengedar dadah di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah pencegahan khas) 1985. Tangkapan ini adalah berdasarkan hasil soal siasat yang dijalankan dan dikenalpasti sebagai pengedar dan tokan dadah dikawasan tersebut. Berikut adalah jumlah tangkapan di bawah Seksyen 3(1) ADB (LLPK) 1985;

SEKSYEN	JUMLAH KES 2019	JUMLAH KES 2020 (JAN-FEB)
3(1) ADB (LLPK) 1985	3	3

- (h) Tindakan dibawah Seksyen 39C ADB 1852 juga diambil ke atas penagih berulang yang mempunyai dua rekod lampau di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952. Tindakan di bawah seksyen ini membawa kepada hukuman antara lima hingga tujuh tahun penjara serta sebat. Berikut adalah jumlah kes yang dituduh dibawah seksyen 39C ADB 1952 bagi tahun 2019 dan 2020 (Jan-Feb);

SEKSYEN	JUMLAH KES 2019	JUMLAH KES 2020 (JAN-FEB)
39C ADB 1952	8	2

- (i) Mengadakan aktiviti *Community Policing* seperti Program *High Profile Policing* (HPP), *Reaching Out* bersama Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (KPD SPU) dan Program Solat Jumaat bersama penduduk di Penaga; dan
- (j) Bekerjasama dengan pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Seberang Perai Utara untuk Operasi Bersepadu.

Masalah dadah ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira tempat. Oleh itu, peranan semua pihak termasuk ADUN kawasan perlu digembeling bagi menjalankan usaha-usaha pencegahan, kesedaran awam dan penguatkuasaan.